

Lahirkan usahawan berilmu

WARTAWAN KAMPUS UOLS 14 March 2018




Atas usaha untuk memupuk dan melahirkan budaya keusahawanan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan telah menjayakan program Digipreneur Festival yang di hadiri hampir 1000 orang penuntut.

Fokus program ini adalah untuk memberi pendedahan keusahawanan dan menyerlahkan potensi serta semangat keusahawanan melalui aktiviti yang telah dirancang.

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Zalina Ismail, berkata program seumpama ini mampu merangsang aktiviti keusahawanan yang menggalakkan dan seterusnya melahirkan usahawan yang berilmu serta berkemampuan untuk bersaing di peringkat tempatan mahupun global.

Beliau seterusnya merasmikan Digipreneur Festival yang turut dihadiri Timbalan Pengarah FAMA Selangor, Nazam Hussin.



Antara penuntut yang mengambil bahagian dalam Festival Digipreneur.

Program ini bertujuan untuk memupuk nilai dan membina atribut keusahawanan yang tinggi dalam kalangan penuntut. Pertandingan ini juga memberi ruang dan peluang kepada penuntut menyampaikan idea dan kreativiti mereka dalam penghasilan produk inovasi keusahawanan yang berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih berdaya saing.

Kumpulan yang berjaya akan diberikan insentif keusahawanan yang membolehkan mereka aplikasikan sebagai perniagaan baharu serta menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan selepas menamatkan pengajian.



Pihak pengurusan dan penuntut PSA bergambar kenangan selesai tamat program

Setakat ini, sebanyak 13 kumpulan pelajar PSA telah melayakkan diri ke pertandingan akhir Program Dream Builder. Kumpulan yang berjaya akan ke peringkat seterusnya.